

## Sorotan Kajian Terhadap Kadar Mas Kahwin di Negeri Pahang Darul Makmur

[A Review Study on the Dowry Rates in the State of Pahang Darul Makmur]

Mohd Rasmawi bin Harun<sup>1</sup> Hasiah binti Mat Salleh<sup>2</sup> Ahmad Effat bin Mokhtar<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Syariah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS)

<sup>3</sup> Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS)

\* Corresponding author: [mohd.rasmawi@pahang.gov.my](mailto:mohd.rasmawi@pahang.gov.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.626>

### Abstrak

Islam telah mensyariatkan pemberian mahar daripada suami kepada isterinya melalui sebuah akad perkahwinan. Ia sebagai pengiktirafan berkaitan hak pemilikan harta kepada wanita yang mengandungi pelbagai hikmah. Walaubagaimanapun penetapan kadar mas kahwin telah diamalkan di Malaysia dengan pelbagai pendekatan dan perbezaan punca kuasa perundangan Syariah di negeri-negeri tanpa suatu keseragaman. Oleh yang demikian kajian ini meneliti sorotan pensyariatannya, sejarah pengamalannya di negeri Pahang serta mengemukakan cadangan penambahbaikannya. Metodologi kajian adalah secara kualitatif berdasarkan satu instrumen utama iaitu kajian perpustakaan. Manakala, kaedah analisis data pula berasaskan analisis kandungan secara deduktif dan deskriptif. Pelbagai isu timbul seperti ketiadaan punca kuasa yang jelas, kurang menepati objektif pensyariatannya, perbezaan nilai yang sangat ketara, keutamaan pemberian yang bernilai, kekeliruan kefahaman masyarakat dan fungsinya sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita. Oleh yang demikian adalah suatu keperluan bagi mewujudkan satu punca yang jelas bagi penetapan semula kadar mas kahwin di Negeri Pahang agar lebih menepati hikmah pensyariatannya serta menjadikannya bersesuaian dengan nilai ekonomi semasa.

**Kata kunci** : mahar, mas kahwin, pemberian perkahwinan

### Abstract

Islam has stipulated the giving of dowry from the husband to his wife through a marriage contract. It is a recognition related to property ownership rights for women that contains various wisdom. However, the setting of dowry rates has been practiced in Malaysia with various approaches and different sources of Shariah legislation in the states without any uniformity. Therefore, this study examines the highlights of its legalization, the history of its practice in the state of Pahang and presents suggestions for its improvement. The research methodology is qualitatively based on one main instrument which is library research. Meanwhile, the data analysis method is based on deductive and descriptive content analysis. Various issues arise such as the absence of a clear source of authority, lack of compliance with the objectives of its legislation, very significant value differences, the priority

Manuscript Received Date: 1/03/24  
30/07/24

Manuscript Acceptance Date: 28/06/24

Manuscript Published Date:

of valuable gifts, confusion in the community's understanding and its function as a socio-economic guarantee for women. Therefore, it is necessary to create a clear cause for resetting the dowry rate in the State of Pahang in order to be more in line with the wisdom of the legislation and make it compatible with the current economic value.

Keywords: dowry, dowry, marriage gift

### 1.0 Pendahuluan

Pembinaan rumah tangga melalui akad perkahwinan memerlukan kepada beberapa elemen perbelanjaan yang tertentu bersesuaian dengan kedudukannya yang akan menghasilkan pelbagai bentuk hak dan tanggungjawab antara pasangan suami isteri, termasuklah hak material (Uqlah, 2000). Persediaan dari aspek material termasuk wang ringgit menjadi perkara utama bagi pihak lelaki dan merupakan tuntutan awal dalam Islam (Abdul Bari Awang, 2015). Dalam merancang untuk mendirikan rumah tangga, pasangan tidak dapat tidak akan membelanjakan harta bagi persiapan perkahwinan sama ada dari aspek tuntutan syarak mahupun sebagai satu tuntutan adat masyarakat setempat. Perbelanjaan untuk persiapan perkahwinan ini merupakan satu keperluan dan komitmen awal sebelum mereka melangkah ke alam rumah tangga yang sebenar (Madihah, 2017). Bagi persiapan pertama perkahwinan, bakal suami perlu menyediakan sejumlah harta yang dikenali sebagai mas kahwin untuk diberikan kepada isteri selepas sempurna akad nikah (al-Ashqar, 1997).

Mahar adalah bayaran perkahwinan yang berasal daripada amalan masyarakat Arab Jahiliah (Kumar, 2010) dan merupakan syarat sah perkahwinan dari segi undang-undang (Raihanah Azhari et al., 2009). Amalan pemberian sesuatu yang berharga sempena perkahwinan turut diamalkan oleh masyarakat lain seperti pemberian *dowry* yang berasal daripada masyarakat Hindu berkasta tinggi di India (Syed Husin, 2016). Pihak perempuan perlu menyediakannya untuk diberikan kepada pihak lelaki sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan berdasarkan kemampuan pihak perempuan. Sementara itu, di Barat *bride-price* pula adalah bayaran perkahwinan berupa wang atau barang-barang daripada pengantin lelaki dan keluarganya kepada keluarga pengantin perempuan (Tetrilt, 2010).

Setelah kedatangan Islam, amalan pemberian mahar turut diraikan dengan pensyariatannya yang jelas melalui Al-Quran dan Sunnah serta disepakati oleh jumah ulama. Pemberian mas kahwin telah diamalkan sejak turun-temurun oleh masyarakat Islam di Malaysia dan telah menjadi sebahagian adat istiadat perkahwinan termasuklah di negeri Pahang. Mengikut amalan pentadbiran Syariah di Malaysia, terdapat perbezaan amalan pemberian mas kahwin antara negeri-negeri lantaran mengikut keputusan bidang kuasa agama Islam dalam jajahan masing-masing. Oleh itu, kajian ini akan meneliti sorotan pensyariatan mas kahwin, sejarah penetapan amalan pemberian mas kahwin di negeri Pahang serta mengemukakan beberapa isu berkaitan dapatan kajian dan cadangan penambahbaikan khususnya untuk mencapai hikmah pensyariatan mas kahwin yang sebenar menurut ajaran Islam.

### 2.0 Permasalahan Kajian

Berdasarkan struktur pentadbiran Undang-Undang Syariah di Malaysia, terdapat perbezaan amalan pemberian mas kahwin mengikut ketetapan pihak berautoriti agama Islam di setiap negeri. Sebagai contoh, sebahagian negeri telah menjalankan kajian semula dan mengubah kadar sandaran mas kahwin melalui peruntukan kuasa negeri masing-masing. Namun, negeri Pahang telah menetapkan kadar mas kahwin dengan nilai terendah iaitu sebanyak RM22.50 dan ianya tidak berubah sejak hampir satu abad dikuatkuasakan (Muhammad Najib Abd Wakil, 2017).

Bil	Negeri	Mas Kahwin	
		Anak Dara	Janda
1.	Johor	RM 22.50 atau lebih	RM 22.50 atau lebih
2	Kedah	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
3	Kelantan	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
4	Melaka	RM 40.00	RM 40.00
5	Negeri Sembilan	RM 200.00	RM 100.00
6	Pahang	RM 22.50	RM 22.50
7	Perak	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
8	Perlis	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
9	Pulau Pinang	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
10	Sabah	RM 100.00	RM 100.00
11	Sarawak	RM 120.00	RM 120.00
12	Selangor	RM 300.00	RM 300.00
13	Terengganu	Tidak ditetapkan	Tidak ditetapkan
14	Wilayah Kuala Lumpur	RM 80.00	RM 80.00
15	Wilayah Labuan	RM 100.00 atau lebih	RM100.00 atau lebih

**Jadual 1 : Kadar Mas Kahwin Mengikut Negeri-Negeri Di Malaysia**

*Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

Menurut Dato’ Haji Salleh bin Haji Ahmad, Fellow Kanan Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kadar mas kahwin di negeri Pahang dan beberapa negeri lain adalah antara kadar mas kahwin yang terendah di Malaysia dan kajian semula mengenainya perlu dibuat (Sazilarahimi, 2010). Beliau menegaskan kaedah feqah ada menyebut :

(Muhammad Sidqi, 1996) “لا يَنْكُرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ”

Maksudnya :

*"tidak dapat dinafikan bahawa hukum akan berubah dengan perubahan masa".*

Sementara itu, Muhammad Najib Abd Wakil (2017) dalam kajiannya “Mas Kahwin Di Negeri Pahang , Satu Penilaian Semasa” berpendapat bahawa kadar tersebut didapati tidak lagi relevan dengan realiti. Kadar tersebut lebih bernilai dan bermanfaat pada awal penetapannya kerana bersandarkan emas dan perak berbanding kadar yang sama pada masa sekarang yang bersandarkan nilai semasa Dollar Amerika Syarikat. Amalan pemberian mas kahwin dengan kadar yang ditetapkan sebanyak RM22.50 di Pahang ini dilihat terlalu rendah serta tidak mencapai tujuan pensyariatian atau masalah mas kahwin dalam Islam. Beliau turut menggesa agar kadar semasa RM22.50 yang masih ditetapkan hingga hari ini di negeri Pahang perlu disemak semula dan berharap agar pihak berautoriti agama di negeri Pahang dapat menilai semula kadar mas kahwin tersebut. Usaha ini dilihat mampu menegakkan tujuan pensyariatian mas kahwin dalam memartabatkan hak wanita dan ketinggian sebuah perkahwinan.

Dari aspek yang lain, kesan kadar mas kahwin yang rendah telah menyebabkan masyarakat terkeliru dengan meletakkan keutamaan kepada adat pemberian hantaran berbanding pemberian mahar kerana menganggap pemberiannya adalah bersifat ritual perkahwinan semata (Hasbi H. M., 2013). Abdul Bari Awang (2015) turut menyarankan agar melihat semula peranan dan kedudukan mas kahwin berbanding wang hantaran kerana kadarnya yang tinggi membawa kepada pembaziran. Walhal mahar dalam Islam jelas bertujuan menjaga hak pemilikan harta wanita dan sekaligus membantu memupuk sifat bersungguh-sungguh untuk bersama-sama suami dalam melayari rumah tangga yang dibina. Masyarakat dilihat cenderung untuk melebihkan pemberian wang hantaran berbanding dengan mas kahwin seterusnya mewujudkan kekeliruan dan salah faham tentang hukum dan kedudukan kedua-duanya, bahkan melihatnya sebagai perkara yang wajib dilakukan semasa perkahwinan (Ariffin, 2017).

### 3.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kualitatif dengan instrumen utama secara kajian perpustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dalam menganalisis data-data berkaitan dengan

kajian. Justeru, kajian ini mengandungi maklumat hasil daripada analisis kandungan yang diambil daripada buku, jurnal, artikel, kitab-kitab ilmiah dan laman sesawang. Kajian ini turut meneliti kaedah dan enakmen yang melibatkan mahar seperti Kaedah Borang dan Fee 2019, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 serta beberapa enakmen terdahulu yang dijadikan dasar kajian dalam mengkaji penetapan kadar mahar di negeri Pahang. Manakala kesemua data yang diperoleh akan melalui proses penganalisan secara deduktif dan deskriptif.

### 4.0 Konsep Mahar Dan Penyariatannya

Pemberian mahar dalam perkahwinan ada disebutkan secara tidak langsung dalam al-Quran. Antara contoh mas kahwin dalam syariat terdahulu adalah pengambilan upah berbentuk penggembalaan kambing dalam kisah perkahwinan Nabi Musa AS dengan anak perempuan Nabi Shuib AS. Al-Quran dalam surah al-Qasas ayat ke 27 telah menjelaskan bahawa mas kahwin dalam perkahwinan tersebut adalah pengambilan upah menternak kambing untuk tempoh lapan tahun (Abdul Bari Awang, 2015). Pemberian mahar berbentuk manfaat ini menjadi hak wali kerana calon suami mesti berkerja dengan bakal mentuanya sebelum berkahwin, dan pekerjaan (manfaat) itu akan dikira sebagai mahar perkahwinannya (Hasbi H. M., 2013).

### 4.1 Definisi Mahar

Mas kahwin atau mahar berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud pemberian yang diberikan kepada perempuan dan dijadikan sebagai mahar (Ibn Manzur, 1993). Mahar juga turut mempunyai beberapa nama lain seperti *sadaq*, *nihlah*, *faridah*, *hiba*, *'ajr*, *tawl*, *'uqr*, dan *'alaih*, yang merujuk maksud dan pengertian yang hampir sama dengan mahar (Al-Khatib Al-Syarbini, 1994).

Para fuqaha Islam daripada pelbagai aliran mazhab telah memberikan beberapa takrifan mengenai mahar. Ulama Hanafiyyah mendefinisikan mahar sebagai sejumlah harta yang menjadi hak isteri disebabkan akad perkahwinan atau terjadinya hubungan kelamin suami isteri. Ulama Malikiyyah pula mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjadikan isteri halal untuk disetubuhi, sementara ulama Syafi'iyah mendefinisikannya sebagai sesuatu yang wajib diberi disebabkan akad nikah atau persetubuhan. Ulama Hanabilah pula mendefinisikannya sebagai balasan daripada suatu perkahwinan, termasuk dengan sebab persetubuhan (Al-Zuhaili, 1989).

Menurut Ibn Abidin (1992) mahar ialah suatu nama bagi pemberian yang wajib diberikan kepada perempuan dengan sebab pernikahan atau persetubuhan. Ibn Arafah pula menyatakan bahawa mahar diberikan kepada wanita bagi membolehkan beristimta' (berseronok) dengannya. Sementara Ibn Taqiuddin (1994) pula mentakrifkan sebagai suatu harta yang wajib diberikan kepada wanita daripada lelaki dengan sebab berlakunya pernikahan atau persetubuhan. Berdasarkan takrifan fuqaha ini, mahar ialah pemberian yang diberikan kerana berlakunya pernikahan atau persetubuhan, namun jika dilihat dari sudut pandang yang berbeza, mahar memberikan gambaran tentang usaha dan pengorbanan seorang lelaki bagi menjadikan seorang wanita itu halal baginya (Ahmad Haziq, 2022).

### 4.2 Dalil Pensyariatan

Jumhur ulama bersependapat, mahar wajib dibayar oleh suami kepada isteri kerana berlaku akad nikah yang sah atau berlaku persetubuhan melalui akad nikah yang tidak sah (fasid) atau melalui persetubuhan secara kesamaran (wati shubhah). Allah S.W.T menegaskan mengenai wajibnya mahar dalam Surah An-Nisa' ayat 4 :

وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

Ertinya : *“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mahar mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.”*

Berdasarkan ayat ini, mahar atau mas kahwin ialah pemberian wajib yang diberikan kepada isteri sebagai tanda penghormatan dan kemuliaan terhadapnya ketika menempuh alam perkahwinan. Pensyariatan bertujuan mengangkat darjat dan kedudukan seseorang isteri dan merupakan hukum yang terbit daripada hukum akad nikah yang sah (Ahmad Haziq, 2022).

Rasulullah S.A.W turut menegaskan kewajipannya dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Sahl bin Sa'ad RA (Al-Bukhari, 2011) katanya:

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ، عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ: «أَنْتِ النَّبِيَّةُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَةٌ فَقَالَتْ: إِهْمَا قَدْ وَهَبْتَ نَفْسَهَا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا لِي فِي النَّسَاءِ مِنْ حَاجَةٍ، فَقَالَ رَجُلٌ: زَوَّجْنِيهَا، قَالَ: أَعْطَيْهَا ثَوْبًا، قَالَ: لَا أَجِدُ، قَالَ: أَعْطَيْهَا وَلَوْ خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ، فَأَعْتَلَّ لَهُ، فَقَالَ: مَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ؟ قَالَ: كَذَا وَكَذَا، قَالَ: فَقَدْ زَوَّجْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ

**Maksudnya:** “Seorang perempuan menyerahkan dirinya untuk dikahwini oleh Nabi SAW kerana Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: Aku tidak berhajat kepada perempuan. Lalu seorang lelaki berkata: Kahwinkanlah aku dengan perempuan itu. Sabda Baginda: “Engkau berikan perempuan itu sehelai pakaian.” Dia menjawab: “Aku tidak memilikinya. Lalu Baginda bersabda lagi: “Engkau berikanlah dia walaupun sebetuk cincin besi. Lelaki itu menjawab dia tidak memilikinya. Baginda bersabda: “Adakah ayat-ayat al-Quran yang engkau hafal?” Dia menjawab: “Ada sekian dan sekian.” Baginda pun bersabda: “Aku kahwinkan engkau dengan perempuan itu dengan ayat-ayat al-Quran yang ada padamu.”” Riwayat al-Bukhari (No. 5029)

### 4.3 Jenis-Jenis Mahar

Mahar musamma merupakan mahar yang disebutkan jumlahnya ketika atau selepas akad dan disepakati oleh kedua belah pihak. Manakala *Mahar Mithil* pula ialah mahar yang munasabah dan sebanding dengan mengambil kira kadar yang biasa diterima oleh keluarga wanita tersebut. Sekiranya mahar tidak ditetapkan kadar, jenis dan cara pemberiannya di dalam akad, maka ia wajib diberikan berdasarkan kepada kadar mas kahwin yang diterima oleh ahli keluarga atau kaum kerabat isteri (Al-Zuhaili, 1989). Negeri Pahang telah mengamalkan pemberian mas kahwin jenis *mahar musamma* pada satu kadar sahaja iaitu sebanyak RM22.50 yang disebut semasa akad nikah.

### 4.4 Kadar Bayaran Mahar

Dalam menentukan kadar mahar, syarak tidak menetapkan kadar yang tertentu, bahkan penetapannya terserah kepada pasangan dan bergantung kepada kemampuan suami. Pembayarannya diterima dalam keadaan sedikit mahupun banyak (Husin, 2017). Pembayaran mahar boleh diselesaikan dalam bentuk harta atau manfaat. Mahar berbentuk harta perlu terdiri daripada sesuatu yang mempunyai nilai pada pandangan syarak (Al-Qurtubi, 1982).

#### 4.4.1 Kadar Minima

Terdapat khilaf ulama mengenainya :-

- Mazhab Hanafi berpendapat sekurang-kurangnya mas kahwin itu **sepuluh dirham perak** (Al-Kasani, 2000) bersandarkan kepada sebuah hadis yang bermaksud :  

”Dari ‘Ata’ ibn Abi Rabah dan ‘Amru ibn Dinar daripada Al-Jabir bahawa Rasulullah SAW. bersabda: “Tiada sebarang mas kahwin yang kurang daripada sepuluh dirham. (Al-Daruqutni, 1966)”
- Mazhab Maliki berpendapat sekurang-kurangnya mas kahwin itu adalah **1/4 dinar** mengikut nisab hukum wajib potong tangan bagi jenayah mencuri yang menyamai 3 dirham (Al-Zarqani, t.t).
- Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali berpendapat **tidak ada had minima** bagi mas kahwin. Bagi mereka apa sahaja yang sah dinamakan sebagai harta atau sah diperlakukan sebagai ganti harta harus dijadikan sebagai mas kahwin (Al-Nawawi, t.t). Namun bagi mazhab Syafie, mereka menentukan kadar sunat sebagai panduan dalam menetapkan kadar mas kahwin, iaitu dengan **tidak kurang daripada 10 dirham dan tidak melebihi 500 dirham** (Abu Al-Qasim, 1997).

#### 4.4.2 Kadar Maksimum

Fuqaha bersepakat menyatakan mas kahwin tidak mempunyai sebarang had maksimum (Al-Qurtubi, 1982) (Al-Nawawi, t.t) (Ibn Qudamah, 1986), kerana tiada sebarang nas yang menyatakan demikian (‘Uqlah, 2000). Namun, mengenai kadar tertinggi pula ada disebut di dalam surah An-Nisa’, ayat 20 :

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَكَانَ زَوْجٍ وَآتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا

Maksudnya: “*Sedangkan kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun daripada harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar (yang menyebabkan dosa yang nyata)*”

Berdasarkan ayat ini, Ibn Kathir (2008) menyatakan terdapat dalil pengharusan kadar pemberian mahar yang banyak dan tinggi yang dapat difahami melalui perkataan “*qintar*” yang membawa maksud jumlah yang besar daripada harta. Ibn Al-Arabi (2006) juga menyatakan bahawa lafaz *qintar* membawa maksud harta yang banyak mengikut *uruf* (adat kebiasaan) sesuatu tempat. Ibn ‘Ashur (2004) melalui tafsirnya pula menyatakan bahawa melalui ayat ini, Allah SWT telah mengharuskan pemberian mas kahwin dengan harta yang banyak.

#### 4.5 Hikmah Pensyariatan

Pensyariatan mahar mengandungi pelbagai hikmah dan manfaat berbanding amalan-amalan pemberian perkahwinan masyarakat dan agama yang lain yang berteraskan adat serta kepentingan tertentu semata-mata. Objektif pensyariatannya jelas menzahirkan prinsip Islam yang murni dan berbeza dengan amalan pada zaman Jahiliyyah yang tidak mengiktiraf hak-hak wanita malah meletakkan wanita pada kedudukan yang rendah dalam masyarakat. Justeru, mahar yang disyariatkan oleh Islam merupakan satu sistem yang lengkap dan sempurna berasaskan prinsip keadilan dan kemaslahatan demi meningkatkan status wanita dan melindungi mereka dari terus didiskriminasi serta dinafikan haknya (Hasbi, 2013).

Setiap pensyariatan di dalam hukum-hakam Islam pasti tidak terlepas daripada kepentingannya, sama ada berperanan untuk menolak keburukan atau mencapai kebaikan kerana Allah tidak menjadikan sesuatu pensyariatan sia-sia dan tidak berguna (Ibn ‘Ashur, 2004). Menurut Al-Siba’i (1999), pemberian mas kahwin disyariatkan sebagai lambang kemuliaan dan penghargaan terhadap wanita melalui sesebuah perkahwinan. Haron Din (1993) telah menyifatkan pemberian mas kahwin dipercayai mampu melahirkan tanda keikhlasan dan menjalinkan kasih sayang antara pasangan yang berkahwin. Al-Marghinani (2010) pula menyatakan bahawa kedudukan mas kahwin walaupun bukan sebagai syarat sah sesebuah perkahwinan, tetapi pemberiannya adalah wajib sebagai simbol kemuliaan perkahwinan di dalam Islam. Bagi memastikan wanita tersebut mendapat manfaat daripada mas kahwin tersebut, mas kahwin yang diberikan mestilah terdiri daripada “*al-mal al-mutaqawwam*” iaitu barangan yang bernilai dan bermanfaat seperti emas, perak, tanah dan sebagainya (Al-Zuhaili, 1989).

Menurut Al-Sha’rawi (2000), mas kahwin difardukan oleh Allah SWT ke atas pihak lelaki untuk diberikan kepada pasangan wanitanya sebagai bukti ikatan cinta antara kedua-duanya serta mengikat perhubungan kedua-dua pasangan dengan kasih-sayang dan belas kasihan di bawah kepimpinan pasangan lelaki tersebut. Pensyariatan mas kahwin yang bertujuan memberi hak pemilikan harta kepada wanita menunjukkan bahawa mas kahwin adalah harta atau aset yang produktif dan bernilai tinggi kepada wanita (Al-Sabiq, 2000).

Menurut Shamim (2007), mas kahwin bukanlah sekadar pemberian wajib oleh suami kepada isteri, tetapi ia dilihat sebagai pemberian yang bernilai dan berpotensi sebagai jaminan sosio-ekonomi wanita kerana mas kahwin pada dasarnya mestilah dalam bentuk sesuatu yang berharga dan mempunyai nilai. Hasbi H.M. (2013) juga menyatakan bahawa mas kahwin sememangnya berperanan menjamin sosio-ekonomi seseorang wanita yang berkahwin. Pemberian mas kahwin dengan sesuatu yang bernilai dilihat mampu memberi jaminan dan perlindungan awal sekiranya berlaku musibah seperti kematian suami atau perceraian.

#### 5.0 Amalan Pemberian Mas Kahwin Di Negeri Pahang

Bagi masyarakat Melayu termasuklah di negeri Pahang, penggunaan perkataan mas kahwin digunakan secara meluas dan lebih popular berbanding dengan perkataan mahar. Menurut Shafak Ahmad (2012), mahar disebut sebagai mas kahwin kerana suatu ketika dahulu emas dijadikan sebagai wang mahar perkahwinan seseorang dan biji-biji emas itu merupakan mata wang yang digunakan pada masa tersebut.

Menurut Sidin (1964), kemunculan istilah mas kahwin yang telah digunapakai sejak turun-temurun adalah kerana amalan masyarakat terdahulu yang sinonim memberikan emas sebagai mahar perkahwinan. Berdasarkan istilah emas yang digunapakai, berkemungkinan masyarakat pada ketika itu telah melihat mahar sebagai harta yang dapat memberi jaminan sosio-ekonomi dalam kehidupan mereka, sesuai dengan sifat emas itu sendiri yang bersifat produktif. Mengikut amalan perkahwinan masyarakat terdahulu, mahar mestilah daripada emas yang beratnya sabahara iaitu seberat bara api perasapan untuk kemenyan atau dua bahara mengikut keadaan

dan kemampuan masing-masing. Dikatakan juga bahawa nilai sabahara pada satu ketika dahulu sebanyak RM 22.00 manakala dua sabahara sebanyak RM 44.00. Kadar RM 22.00 dan RM 44.00 tersebut adalah nisbah kepada nilai emas yang digunakan dalam menentukan kadar mahar pada ketika itu.

## 5.1 Punca Kuasa Penetapan Amalan Pemberian Mas Kahwin Di Negeri Pahang

Kajian turut cuba mengenalpasti punca kuasa penetapan amalan pemberian Mas Kahwin di negeri Pahang berdasarkan aspek perundangan seperti berikut :-

### 5.1.1 Hukum Kanun Pahang

Hukum Kanun Pahang yang disusun antara tahun 1592-1914 adalah merupakan undang-undang bertulis pertama yang dikuat kuasakan di negeri Pahang yang berpaksikan Hukum Kanun Melaka sewaktu zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muha'yuddin Shah (Winstedt, 1992). Kajian tidak menemukan apa-apa peruntukan berkaitan undang-undang keluarga Islam mahupun mas kahwin di dalam Hukum Kanun Pahang mahupun Hukum Kanun Melaka yang menjadi rujukan dan ibu perundangan Islam pada ketika itu (Muhammad Najib Abd Wakil, 2017).

### 5.1.2 The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920

Pada tahun 1920, Pahang telah menggubal satu enakmen baharu bagi menyelia dan mengurus urusan perkahwinan dan perceraian di Pahang iaitu The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920. Merujuk kepada enakmen tersebut, pasangan adalah digalakkan untuk **memberi mahar yang bernilai tidak rendah daripada 10 dirham dan tidak lebih daripada 500 dirham** (Ibrahim, 1965).

Kajian Muhammad Najib Abd Wakil (2017) mengandaikan bahawa pihak berkuasa negeri Pahang telah mengasimilasi kadar RM22.50 yang diamalkan di Johor berasaskan Perkara 309 Ahkam Syari'iyah Johor 1935 dengan menetapkan bahawa kadar nilai mahar bagi seluruh negeri dan jajahan Johor mestilah sebanyak sekati perak yang bersamaan RM22.50. Beliau berhujah bahawa Ahkam Syar'iyah Johor telah diperkenalkan pada tahun 1935 iaitu sekitar tahun penetapan kadar RM22.50 sebagai kadar mas kahwin di negeri Pahang yang mana tidak wujud perbezaan tempoh masa yang jauh antara negeri Johor dan Pahang dalam menetapkan kadar RM22.50 sebagai sandaran nilai mas kahwin bagi kedua-dua negeri tersebut.

Namun begitu, andaian tersebut bercanggah dengan penemuan pada Buku Daftar Nikah Pejabat Qadhi Lipis yang telah mencatatkan kadar mas kahwin sebanyak RM22.50 pada tahun 1318 Hijrah bersamaan 1900 Masihi. Bukti ini jelas menunjukkan bahawa negeri Pahang telah mengamalkan pemberian mas kahwin dengan kadar sebanyak RM22.50 sebelum dikuatkuasakan The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment pada tahun 1920. Secara logiknya, Ahkam Syari'iyah Johor 1935 yang telah mengasimilasi kadar mas kahwin sebanyak RM22.50 daripada The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920.

### 5.1.3 Administration of The Law of The Religion of Islam Enactment 1956

Peruntukan mengenai mas kahwin terdapat di dalam bahagian ke-6 iaitu "*marriage and divorce*" (perkahwinan dan perceraian) di bawah seksyen 123 iaitu mengenai "mas kahwin dan belanja". Walau bagaimanapun, seksyen ini hanya menyentuh soal kewajiban pemberian mas kahwin, prosedur dan tugas juru nikah atau pendaftar nikah dalam mencatat kadar pemberian mas kahwin, kadar pemberian belanja dan apa-apa bentuk jaminan bayaran mas kahwin atau belanja. Enakmen ini telah dipinda pada tahun 1960 dan 1963. Namun begitu, tiada sebarang pindaan yang melibatkan peruntukan mengenai mas kahwin (Muhammad Najib Abd Wakil, 2017).

### 5.1.4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1987

Peruntukan mengenai mas kahwin yang pada asalnya di bawah seksyen 123 kini telah diperuntukkan di bawah seksyen 21. Bahagian perkahwinan juga telah diubah kedudukannya dan diperuntukkan dalam bahagian yang kedua enakmen tersebut. Seksyen 21 tersebut telah diberi nama seksyen "mas kahwin dan pemberian". Namun begitu, kajian mendapati isi kandungan seksyen tersebut tidak berubah dan sama seperti peruntukan di dalam enakmen sebelum ini. Tiada peruntukkan yang menunjukkan kadar mas kahwin. Kandungan seksyen 21 hanya menjelaskan tentang kewajiban pemberian mas kahwin, tugas pendaftar nikah untuk merekod butiran nilai mas kahwin, butiran mengenai pemberian, sebarang janji atau penangguhan mengenai mas kahwin, pemberian lain yang akan diberikan selepas akad nikah dan butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin atau pemberian. Melalui seksyen 58 di bawah bahagian "pembubaran perkahwinan", seorang isteri diberikan

keistimewaan untuk tidak memulangkan mas kahwin yang diberi oleh pihak suami sekiranya berlaku pembubaran perkahwinan.

### **5.1.5 Kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1988**

Kajian mendapati terdapat dua borang yang mempunyai ruangan kosong berkenaan kadar mas kahwin yang ingin diberikan oleh pasangan berkahwin. Dua borang tersebut adalah Borang 2 iaitu “Borang Permohonan Untuk Kebenaran Berkahwin Bagi Perempuan” dan Borang 5 iaitu “Surat Perakuan Nikah”. Kedua-dua borang tersebut menyediakan ruang kosong mengenai “mas kahwin” dan “belanja hantaran” untuk diisi oleh pihak pengantin.

### **5.1.6 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005**

Secara amnya, peruntukan perundangan mengenai mas kahwin ada dinyatakan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005. Di bawah seksyen 2 enakmen tersebut, mas kahwin diertikan sebagai pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah hukum Syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa sesuatu yang menurut hukum Syarak, dapat dinilai dengan wang. Di bawah seksyen 21, terdapat peruntukan yang hanya menyentuh soal cara dan prosedur pemberian mahar ketika akad nikah dilangsungkan dan berkaitan peranan pendaftar perkahwinan dalam proses perekodan mahar. Namun tiada juga peruntukan yang menyentuh tentang kadar mas kahwin atau mahar di negeri Pahang.

### **5.1.7 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2018**

Pindaan melibatkan 10 seksyen dari aspek takrif baharu, kenaikan denda dari RM1,000 ke RM3,000, penambahan subseksyen, penggantian seksyen, penghapusan subseksyen dan penambahan subseksyen baharu 135a – Pengkompaunan Kesalahan. Tiada sebarang pindaan peruntukan yang melibatkan mas kahwin.

### **5.1.8 Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang Dan Fi) (Pahang) 2019**

Terdapat beberapa borang yang diwartakan yang memerlukan pengisian maklumat mas kahwin seperti berikut :-

- a) Borang 2 (Seksyen 16) – Permohonan Kebenaran Berkahwin
- b) Borang 4 (Seksyen 13) – Persetujuan Dan Wakalah Wali
- c) Borang 5 (Seksyen 26) – Catatan Akad Nikah
- d) Borang 6 (Seksyen 26) – Surat Perakuan Nikah
- e) Borang 8 (Seksyen 31/33) – Permohonan Pendaftaran Luar Negeri & Permohonan Pendaftaran Sukarela
- f) Borang 9 (Seksyen 31) – Salinan Diakui Sah Catatan Daftar Perkahwinan Luar Negeri
- g) Borang 10 (Seksyen 33) - Salinan Diakui Sah Catatan Daftar Perkahwinan Sukarela

## **6.0 Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa dapatan kajian yang telah ditemui seperti berikut :-

### **6.1 Tiada Punca Kuasa Yang Jelas Dalam Penentuan Kadar Mas Kahwin**

Kajian tidak menemukan punca kuasa yang jelas dalam penentuan mas kahwin pada satu kadar sahaja iaitu sebanyak RM22.50 yang telah diamalkan di negeri Pahang. Asas penentuan kadar mas kahwin hanya dijumpai sebagai galakan dalam The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920 iaitu “**tidak rendah daripada 10 dirham dan tidak lebih daripada 500 dirham**”. Kajian mengandaikan bahawa nilai “10 Dirham” tersebut adalah bersamaan dengan nilai RM22.50 pada waktu itu atau bersamaan dengan nilai sekati perak seperti yang disebutkan dalam Ahkam Syari’iyah Johor 1935. Namun, peruntukan ini juga tidak diamalkan secara sepenuhnya kerana hanya membenarkan satu kadar sahaja (RM22.50) walaupun ada pilihan maksima sehingga 500 dirham. Dapatan pada rekod Surat Perakuan Nikah tahun 1900 yang tertera jumlah mas kahwin



sebanyak RM22.50 jelas membuktikan bahawa negeri Pahang telah mengamalkan pemberian mas kahwin pada satu kadar sahaja sehingga kini.

### 6.2 Penetapan Kadar Yang Kurang Menepati Objektif Pensyariatannya

Amalan pemberian mas kahwin di negeri Pahang pada satu kadar yang tetap sebanyak RM22.50 sahaja dilihat bertentangan dengan pandangan jumurh ulama. Walaupun mazhab Hanafi dan Maliki ada menetapkan satu kadar yang minima, namun kesemua empat mazhab sepakat akan tiada had maksima bagi kadar mas kahwin. Amalan pemberian mas kahwin dengan menghadkan pada satu kadar sahaja tanpa membenarkan sebarang nilai yang melebihi kadar tersebut dilihat kurang menepati objektif pensyariatannya iaitu bagi mengiktiraf hak pemilikan harta yang bernilai kepada wanita serta mengangkat kemuliaan perkahwinan dalam Islam.

### 6.3 Perbezaan Nilai Yang Sangat Ketara

Terdapat perbezaan yang sangat ketara antara nilai mata wang Ringgit Malaysia pada tahun 1920 dan nilainya pada hari ini kerana wang kertas pada waktu itu disandarkan kepada emas dan perak manakala wang kertas pada hari ini mengikut sistem wang apungan yang disandarkan kepada nilai Dolar Amerika Syarikat. Justeru, nilai RM22.50 sebagai nilai mas kahwin yang diperkenalkan pada zaman tersebut adalah **tidak sama faedah dan nilainya** jika digunakan pada masa kini. Wujud **perbezaan nilai dan kuasa beli yang ketara** antara nilai RM22.50 pada era sandaran mata wang emas dan perak berbanding nilai RM22.50 kini yang bersandar kepada nilai pasaran Dollar Amerika Syarikat (Muhammad Najib Abd Wakil, 2017).

Selain itu, kadar ini juga dilihat bertentangan dengan kemampuan semasa sebahagian besar pengantin lelaki. Jika terdapat permohonan untuk menaikkan kadar tersebut, kebenaran hanya merekodkan sebagai hadiah atau “pemberian lain” pada Surat Perakuan Nikah. Sedangkan Surat Perakuan Nikah akan dijadikan bukti bertulis oleh pihak mahkamah dalam penentuan nilai tebus talak yang perlu dibayar oleh isteri iaitu bersamaan nilai pemberian mas kahwin yang tercatat sekiranya tiada nilai persetujuan berjaya dicapai antara pasangan (M. Najib A.W., 2021). Justeru, penetapan nilai sandaran mas kahwin pada satu kadar sahaja sebanyak RM22.50 yang masih diamalkan seolah-olah tidak relevan dan memerlukan kajian semula.

### 6.4 Keutamaan Pemberian Yang Bernilai

Selain anjuran dan galakan pemberian mas kahwin dengan kadar yang bernilai dan tinggi di dalam Al-Quran, terdapat beberapa pembuktian dalam Islam yang menunjukkan keharusan dan keutamaan pemberian harta yang bernilai ketika perkahwinan berlangsung. Sirah perkahwinan Rasulullah SAW setelah dilantik menjadi rasul telah memaparkan beberapa bentuk pemberian mas kahwin oleh baginda kepada isteri-isteri baginda. Secara umumnya baginda diriwayatkan tidak pernah membayar mas kahwin kepada isterinya melebihi daripada 500 dirham (Syh Noorul Madihah S.H, 2016). 500 Dirham adalah satu kadar yang sangat bernilai pada ketika itu dan pada waktu sekarang. Berikut adalah analisis sebahagian pemberian mas kahwin yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Bil	Nama	Mas Kahwin	Penjelasan
1	Saidatina A'ishah RA	Perkakas rumah bernilai 50 dirham	Perbelanjaan tidak melebihi 500 dirham berbentuk barang yang bermanfaat.
2	Saidatina Umm Habibah RA	4000 dirham	Perbelanjaan melebihi 500 dirham kerana ia ditanggung oleh Raja Najashi.
3	Saidatina Juwayriyah RA	Pembebasan daripada tawanan perang	Bersesuaian dengan kedudukan Saidatina Juwayriyah RA sebagai salah seorang tawanan perang Bani al-Mustaliq.
4	Saidatina Safiyyah	Pembebasan daripada tawanan perang	Bersesuaian dengan kedudukan Saidatina Safiyyah RA sebagai salah seorang tawanan perang Khaibar.

**Jadual 2 : Mas Kahwin Isteri-Isteri Rasulullah SAW.**

Sumber : (Syh Noorul Madihah S.H, 2016)

Begitu juga pemberian mas kahwin yang bernilai telah diberikan oleh Saidina Ali KW kepada puteri Rasulullah SAW, Saydatina Fatimah RA iaitu baju besinya. Setelah mendapatkan baju besi itu, Sayyidina Ali KW terus menjualnya apabila diperintah oleh Rasulullah SAW untuk berbuat demikian (Al-Tabari, t.t). Terdapat beberapa riwayat yang menyatakan harga jualan baju tersebut adalah 400 dirham (Ibn Sa'd, t.t) dan ada pula

## Sorotan Kajian Terhadap Kadar Mas Kahwin Di Negeri Pahang Darul Makmur

meriwayatkannya bernilai 480 dirham (Al-Muthanni, 2009). Justeru, pemberian mas kahwin yang lebih bernilai dilihat merupakan keutamaan Sunnah Rasulullah SAW.

### 6.5 Kekeliruan Pemahaman Masyarakat Terhadap Kepentingan Mas Kahwin

Kajian juga mendapati bahawa sebahagian masyarakat telah terkeliru dalam meletakkan keutamaan kepada adat hantaran berbanding syariat mas kahwin. Ini dibuktikan dengan fenomena kadar hantaran yang dilihat semakin tinggi sehingga mencecah puluhan ribu ringgit. Sekalipun Islam tidak menghalang pengamalan adat setempat, namun pada masa yang sama Islam juga mementingkan agar urusan perkahwinan dipermudahkan bukan sahaja dalam urusan mas kahwin tapi merangkumi segala urusan perkahwinan termasuklah pemberian hantaran (Madiah, 2017).

Kekeliruan ini berkemungkinan disebabkan oleh persepsi masyarakat yang hanya menganggap mas kahwin sekadar pemberian yang bersifat adat semata-mata. Kesannya, masyarakat melihat pemberian mas kahwin yang disyariatkan seolah-olah gagal memberi apa-apa manfaat dan hikmah kepada wanita melainkan sebatas pemberian simbolik dalam majlis pernikahan sahaja. Selanjutnya, masyarakat juga tidak dapat melihat potensi dan peranan mas kahwin dengan lebih luas berbanding dengan peranan hantaran yang kebiasaannya digunakan untuk menampung perbelanjaan kenduri perkahwinan. Hal ini berkemungkinan kerana panduan kadar mas kahwin yang sedia ada terlalu rendah dan tidak meraikan keadaan semasa (Abdul Bari Awang, 2015).

### 6.6 Mas Kahwin Sebagai Jaminan Sosio-Ekonomi Kepada Wanita

Pensyariaan mas kahwin bertujuan bukan sahaja sebagai lambang kasih sayang antara suami dan isteri, malah berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi isteri. Mas kahwin adalah nafkah awal, sebelum nafkah rutin berikutnya yang wajib diberikan suami kepada isteri. Oleh itu, sangat wajar apabila seorang wanita meminta mas kahwin yang bernilai kerana ianya adalah hak eksklusif wanita. Dengan itu, mas kahwin berfungsi sebagai jaminan awal kepada isteri dalam memulakan kehidupan baru bersama suami. Tambahan pula, tidak semua wanita memiliki kemampuan dan kemandirian ekonomi. Dengan pemilikan mas kahwin yang bersifat produktif, ianya juga boleh dikembangkan melalui sektor pelaburan. Hal ini dilihat berpotensi meningkatkan status sosio-ekonomi wanita samada dalam kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan atau tidak (Hasbi, 2013).

Selain itu ianya juga berperanan sebagai satu bentuk jaminan wanita ketika terjadinya musibah seperti perceraian dan kematian suami. Sekiranya isteri ditinggalkan dengan memiliki mas kahwin yang bernilai tinggi dan bersifat produktif, dia mampu berdikari untuk membiayai kehidupan diri dan anak-anaknya apatah lagi sekiranya keadaan ibu tunggal tersebut sudah uzur dan tidak berkemampuan (Hasbi, 2013).

## 7.0 Rumusan Dan Cadangan

Berdasarkan isu dan perbincangan di atas, beberapa cadangan dikemukakan ke arah menambah baik amalan pemberian mas kahwin di negeri Pahang seperti berikut :-

### 7.1 Keperluan Satu Punca Kuasa Yang Jelas Bagi Penetapan Kadar Mas Kahwin Di Negeri Pahang

Satu punca kuasa yang jelas diperlukan bagi penetapan kadar mas kahwin di negeri Pahang mengikut perundangan yang berkuatkuasa. Ketiadaannya merupakan satu kelemahan dan lompongan yang bakal mengundang kritikan dan persoalan pihak yang membangkang serta sukar untuk dipertahankan. Terdapat dua kaedah yang disyorkan seperti berikut :

- a) Meminda peruntukan seksyen 21 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 dengan menambah subseksyen baru untuk menjelaskan berkaitan penetapan kadar mas kahwin di negeri Pahang.
- b) Melalui satu Titah Perintah KDYMM Tuanku Sultan Pahang.

### 7.2 Penetapan Semula Kadar Mas Kahwin Yang Relevan Dengan Sosio-Ekonomi Semasa Dan Kemampuan Suami

Pada dasarnya, syariat Islam tidak menetapkan sebarang kadar mas kahwin tertentu (minimum dan maksimum) agar urusan mas kahwin dilaksanakan mengikut kemampuan dan keadaan ekonomi semasa. Namun, dalam memastikan mas kahwin yang diterima memberi manfaat kepada wanita, maka dalam konteks ini kajian

berpendapat penentuan kadar mas kahwin juga perlulah selari dan relevan dengan keadaan ekonomi semasa masyarakat pada ketika itu. Ini kerana, taraf sosio-ekonomi masyarakat akan sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan.

Walaupun mas kahwin merupakan hak mutlak isteri, namun kemampuan dan keadaan suami juga perlu diambil kira. Kemudahan dan keringanan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W. dalam urusan pemberian mas kahwin seperti cincin besi, sandal atau mengajarkan Al-Quran adalah merupakan antara bukti dan contoh bagaimana Baginda sentiasa mengambil kira kemampuan pihak lelaki dalam menetapkan kadar mas kahwin. Peristiwa-peristiwa tersebut jelas menunjukkan bahawa keadaan suami perlu juga diambil kira sesuai dengan kemampuannya ditambah dengan kerelaan isteri.

Sekiranya suami daripada kalangan mereka yang tidak mampu untuk memberikan mas kahwin seperti golongan fakir miskin, maka suami dibolehkan memberi mas kahwin dalam bentuk apa pun dengan persetujuan dan keredhaan isteri. Namun, sekiranya suami daripada kalangan mereka yang mampu memberikan mas kahwin yang tinggi, Islam tidak memberi halangan mahupun larangan selagi mana ia tidak memberatkan urusan perkahwinan. Ini kerana, semakin tinggi nilai mas kahwin yang diterima oleh isteri, maka semakin besar nilai jaminan sosio-ekonomi yang dimiliki oleh isteri. Pemilikan wanita terhadap mas kahwin memberi manfaat yang sangat signifikan sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi mereka, berbanding hantaran yang kebiasaannya milik ahli keluarga dan lazimnya digunakan untuk perbelanjaan perkahwinan (Hasbi, 2013). Justeru, titik keseimbangan perlu dicari dengan merujuk kepada kerangka asas dan falsafah pensyariatn mas kahwin dalam Islam iaitu berdasarkan kemampuan dan keredhaan kedua belah pihak (suami dan isteri) serta tidak membebankan lelaki dan pada masa yang sama memberi aset yang bermanfaat, bernilai kepada wanita dan relevan dengan keadaan semasa.

## 8.0 Cadangan Penetapan Semula Kadar Mas Kahwin Negeri Pahang

Berdasarkan kepada isu dan perbincangan yang diutarakan, adalah dicadangkan supaya kadar mas kahwin di Negeri Pahang ditetapkan dengan beberapa pilihan untuk dipertimbangkan seperti berikut :-

### 8.1 Cadangan 1 : Model Sejarah

**Kadar minimum mas kahwin dikekalkan** iaitu tidak kurang daripada **RM22.50** bagi mengambil kira *uruf* (adat kebiasaan) semasa dan mengekalkan nilai sejarah awal penetapannya di negeri Pahang. Sementara itu, **tiada had maksimum** kadar mas kahwin ditetapkan dan ianya mengikut keupayaan dan kemampuan pengantin lelaki serta tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Ketiadaan had maksimum adalah bagi meraikan pandangan jumbuh ulama empat mazhab serta menepati objektif pensyariatannya.

### 8.2 Cadangan 2 : Model Rasulullah SAW.

**Tiada kadar minimum mas kahwin** ditetapkan dan ianya mengikut keupayaan dan kemampuan pengantin lelaki serta tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Manakala **had maksimum ditetapkan** sebagaimana Sunnah Rasulullah SAW iaitu tidak melebihi sebanyak **500 Dirham** yang bersamaan dengan nilai semasa iaitu **RM11,000**. Ianya berdasarkan nilai semasa 1 Dirham adalah bersamaan RM22.00 (Public Gold, 2023).

### 8.3 Cadangan 3 : Model Mazhab Syafie

**Kadar minimum mas kahwin** ditetapkan tidak kurang **10 Dirham** yang bersamaan dengan nilai semasa sebanyak **RM220**. Manakala **had maksimum ditetapkan** tidak melebihi sebanyak **500 Dirham** yang bersamaan dengan nilai semasa iaitu **RM11,000**.

### 8.4 Cadangan 4 : Model Tanpa Kadar

**Tiada kadar minimum dan maksimum mas kahwin ditetapkan.** Sebaliknya penentuan kadarnya adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Model ini adalah seperti mana yang sedang dikuatkuasakan di enam buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu.

### 8.5 Cadangan 5 : Model Wang Hantaran

Wang hantaran perkahwinan daripada pengantin lelaki **ditetapkan sebagai mas kahwin**. Kadarnya adalah tertakluk kepada kepada persetujuan kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Model ini adalah sepertimana yang sedang diamalkan di negeri Kelantan.

### 8.6 Cadangan 6 : Model Barangan/Manfaat

Pengantin lelaki diberikan pilihan untuk menjadikan barangan, harta dan manfaat yang bernilai dari sudut syarak sebagai mas kahwin. Sebagai contoh barang kemas, dinar emas, dirham perak, rumah, tanah, kereta dan seumpamanya lagi.

## 9.0 Penutup

Pensyariatan mas kahwin mengandungi hikmah dan peranan yang tersendiri dalam Islam. Dapatan menunjukkan akan keharusan dan keutamaan pemberian mas kahwin yang bernilai seperti yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW. Penetapan mas kahwin yang rendah dan dengan satu kadar sahaja (RM22.50) seperti di negeri Pahang mengundang pelbagai kelemahan dan kekeliruan yang perlu ditangani bersama. Kajian ini jelas menunjukkan ketidak seragaman kadar mas kahwin ini perlu disemak dan ditetapkan semula melalui satu punca yang jelas agar lebih menepati objektif pensyariatannya serta bersesuaian dengan nilai ekonomi semasa.

## Rujukan

- Abdul Bari Awang, A. A. (2015). Mahar dan Nafkah Sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita Dalam Konteks Kesaksamaan Gender. *Journal of Islam and the Contemporary World* 8 , 63-95.
- Abu Al-Qasim, A. A.-K.-R.-Q. (1997). *Al-Aziz Syarh Al-Wajiz Al-Ma'arif bi Syarh Al-Kabir*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ahmad Haziq, H. K. (2022). Amalan Pemberian Mas Kahwin Dan Wang Hantaran Dalam Kalangan Masyarakat Melayu : Perpspektif Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia. *Kanun : Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 34(1) , 141-166.
- Al-Ashqar, U. S. (1997). *Ahkam al-Zawaj fi Daw al-Kitab wa al-Sunnah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Bukhari, A. A. (2011). *Al-Jami'u As-Sahih*. Beirut: Dar Tahouqun Najat.
- Al-Daruqutni, A. i. (1966). *Sunan Al-Daruqutni*. Qaherah: Dar Al-Mahasin.
- Al-Kasani, ' . a.-D. (2000). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Khatib Al-Syarbini, M. (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj (1st Ed., Vol.4)*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Marghinani, A. I. (2010). *Al-Hidayah fi Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath Al-Arabi.
- Al-Muthanni, A. I. (2009). *Musnad Abi Ya'la Al-Musili*. Beirut: Dar Al-Ma'mun Li At-Turath.
- Al-Nawawi, A. Z.-D. *Al-Majmu' Sharh Muhadhdhab*. Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshad.
- Al-Qurtubi, M. i. (1982). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar Al-Makrifah.
- Al-Sabiq, S. (2000). *Fiqh Al-Sunnah Jld.2*. Mesir: Dar-Al-Fath li al-'Alam al-Arab.
- Al-Sha'rawi, M. M. (2000). *Ahkam Al-Usrah Li Al-Bait Muslim*. Kaherah: Maktabah Al-Turath Al-Islami.
- Al-Siba'i, M. b. (1999). *Al-Mar'ah Baina Al-Fiqh Wa Al-Qanun*. Beirut: Dar al-Warq li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Zarqani, M. *Syarh Al-Zarqani 'ala Al-Muwatta' Al-Imam Malik*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhaili, W. (1989). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

- Ariffin, A. H. (2017). Mahar Dan Wang Hantaran Dalam Islam : Pemahaman Budaya Melayu Masa Kini. *Proceeding of the 10TH International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic and Arabic Education and Educational Science and Technology*, (pp. 103-113). Kuala Lumpur.
- At-Tabari, M. A.-d. *Dhakhair Al-Uqba fi Manaqib Dhawi Al-Qurba*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Haron Din. (1993). *Fasakh al-Nikah wa al-Muta'aliqah bi al-Dirasah al-Muqaranah baina al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Hasbi, H. M. (2013). *Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita : Kajian Di Tawau Sabah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Husin, S. N. (2017). *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Abidin, M. (1992). *Rad al-Muhtar 'Ala al-Dur al-Mukhtar (2nd ed., Vol.3)*. Dar Al-Fikr.
- Ibn Al-Arabi, A. B. (2006). *Ahkam Al-Quran Al-Sughra*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Arafah, M. *Hasyiah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir (Vol.2)*. Dar Al-Fikr.
- Ibn 'Ashur, M. T. (2004). *Maqasid al-Syariah al-Islamiah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiah.
- Ibn Kathir, I. I. (2008). *Tafsir Ibn Kathir*. Bogor: Pustaka Imam As-Syafie.
- Ibn Manzur, M. (1993). *Lisan al-Arab (3rd ed., Vol. 5)*. Kaherah: Dar Al-Sadir.
- Ibnu Qudamah. (1986). *Al-Mughni*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Ibn Sa'd. *At-Tabaqat Al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Taqiuddin, A. B. (1994). *Kifayah al-Akhyar Fi Halli Ghayah al-Ikhtisar (1st ed.)*. Dar Al-Khair.
- Ibrahim, A. (1965). *Islamic Law in Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Reserach Institute.
- Kumar, R. (2010). Law Of Dower (Mahr) In India. *Journal of Islamic Law and Culture* 12, No. 1 , 58.
- M. Najib A.W., I. H. (2021). *Mas Kahwin Di Pahang : Kiraan Semula Nilai Semasa*. Shah Alam: ACIS, UiTM.
- Madiah, S. N. (2017). *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Najib Abd Wakil, C. M. (2017). Mas Kahwin Di Pahang : Satu Penilaian Semasa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 2(2) , 61-73.
- Public Gold*. (2023, July 19). Retrieved July 19, 2023, from Public Gold: <https://publicgold.com.my>
- Raihanah Azhari et al. (2009). Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran. *Jurnal Fiqh* 6 , 107-124.
- Sazilarahimi, S. (2010). *Kertas Cadangan Penilaian Semula Kadar Mas Kahwin Di Negeri Pahang*. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.
- Shafak Ahmad, S. N. (2012). *Amalan Penetapan Kadar Mahar Masyarakat Islam Daerah Klang (Disertasi Master)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shamim, A. (2007). *Prophet Muhammad(s) And His Family : A Sociological Perspective*. Bloomington: IN AuthorHouse.
- Sidin, H. (1964). *Asal-Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Syed Husin, S. R. (2016). Perbelanjaan Perkahwinan Bagi Masyarakat Muslim. *Jurnal Fiqh* 6 , 23-56.
- Syh Noorul Madiah S.H, R. A. (2016). Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin* 43 , 109-136.

## Sorotan Kajian Terhadap Kadar Mas Kahwin Di Negeri Pahang Darul Makmur

Tetrilt, M. (2010). *The Economics of Brideprice and Dowry : A Marriage Market Analysis*. Retrieved Disember 27, 2022, from Berlin D'Insitute: <http://www2.wiwi.hu-berlin.d institute/wpol/html/...bag/tertrilt.pdf>

'Uqlah, M. (2000). *Nizam al-Ussrah fi al-Islam*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

Winstedt, R. (1992). *A History of Johore*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS).